

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27 April 2017**

**SOALAN**

Dato' Dr. Johari bin Mat minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan usaha-usaha yang telah dan sedang dilakukan oleh Kementerian di dalam mengatasi masalah gejala sosial di kalangan remaja.

## **JAWAPAN**

Dalam usaha menangani masalah gejala sosial dikalangan remaja di negara ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui agensi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) memberi fokus kepada program-program berbentuk pencegahan dan intervensi. Program pembangunan remaja diperkuuhkan melalui pengwujudan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) yang bertujuan meningkatkan kesedaran anggota masyarakat mengenai kepentingan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial, melalui pelan tindakan seperti berikut:-

1. Melaksanakan program pencegahan dan advokasi secara kerjasama dengan agensi berkaitan melalui program PEKERTI di sekolah, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan Kolej Komuniti. Program PEKERTI disasarkan kepada pelajar dan tenaga pengajar bagi memberi pendedahan berkaitan kesihatan reproduktif dan sosial remaja. Progam ini telah diperluaskan ke peringkat komuniti dengan mensasarkan golongan berisiko tinggi melalui program PEKERTI@KOMUNITI. Perlaksanaan program PEKERTI@KOMUNITI telah melibatkan penghuni institusi JKM seperti Sekolah Tunas Bakti (STB), Taman Seri Puteri (TSP), Rumah Kanak-kanak (RKK), Asrama Akhlak, pelajar sekolah berasrama penuh (SBP), remaja dan ibu bapa di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), serta pemimpin komuniti seperti Rukun Tetangga. Secara keseluruhan sebanyak 147 program PEKERTI@KOMUNITI telah dijalankan sepanjang tahun 2014 hingga 2016 dengan penyertaan melibatkan seramai 7,370 peserta dari kalangan remaja dan ibu bapa. Bagi tahun 2016 program PEKERTI@KOMUNITI telah diperluaskan kepada komuniti di kawasan Rancangan FELDA serta komuniti luar bandar dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan Persatuan Penduduk. LPPKN telah melatih 55 orang fasilitator daripada agensi FELDA bagi menyebar luas pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial kepada ibu bapa di Rancangan FELDA. Dalam usaha memastikan setiap program yang dilaksanakan memberi impak selaras dengan objektif program yang telah digariskan, pihak LPPKN sedang menjalankan kajian penilaian ke atas keberkesanan perlaksanaan program PEKERTI di seluruh negara. Kajian ini dijangka siap pada akhir tahun 2017.
2. Menyediakan ruang dan kemudahan untuk remaja meningkatkan akses maklumat dan perkhidmatan kesihatan reporduktif melalui pengwujudan PUSAT REMAJA kafe@TEEN. Sehingga kini sebanyak 16 buah Pusat Remaja kafe@TEEN di sepuluh buah negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, W.P Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Konsep Pusat Remaja kafe@TEEN adalah mesra remaja dan bertujuan untuk meningkatkan akses kepada maklumat serta perkhidmatan kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja yang berumur 13-24 tahun. Pusat Remaja kafe@TEEN juga menawarkan perkhidmatan kesihatan, khidmat kaunseling psikososial serta program pendidikan dan pembangunan kemahiran (skills building) untuk golongan remaja. Konsep Pusat Transit kafe@TEEN juga telah diperkenalkan sebagai tempat persinggahan yang selamat bagi pelajar sebelum atau selepas waktu sekolah dalam usaha untuk mengurangkan pengaruh negatif rakan sebaya. Dua program rintis Transit kafe@TEEN di UTC Keramat, Kuala Lumpur dan Presint 16, Putrajaya.
3. Menjalankan beberapa kajian penyelidikan berkaitan isu remaja. Diantaranya ialah Kajian Faktor Risiko dan Pelindung Terhadap Kesihatan Seksual dan Reprouktif Remaja di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah disiapkan dan hasil kajian telah dibentangkan dalam seminar pada tahun 2016. Sementara itu kajian Youth Intervention Study: Best Practices of Youth Intervention Programmes in Malaysia dalam fasa terakhir dan akan diterbitkan pada tahun 2017. Kedua-dua kajian tersebut akan membantu mengenalpasti isu, faktor, kaedah dan program intervensi yang bersesuaian untuk golongan remaja. Hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan beberapa inisiatif baru telah diambil. Diantaranya ialah memperluaskan program PEKERTI kepada golongan berisiko tinggi, mempertingkat akses remaja kepada kesihatan reproduktif melalui pendekatan Transit Kafe@TEEN, serta menjalankan kajian impak bagi program-program yang disasarkan kepada remaja.
4. Membangunkan modul latihan pendidikan untuk kumpulan sasar remaja. Melalui Dasar PEKERTI, LPPKN telah membangunkan beberapa modul latihan pendidikan yang disasarkan kepada golongan remaja seperti Modul Cakna Diri Edisi Remaja, Modul Kesejahteraan Hidup untuk pelatih PLKN dan terbaru LPPKN telah membangunkan Modul Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Seksual Untuk Remaja Lelaki Berumur 16-24 Tahun. Modul ini direka bentuk untuk menangani isu seksual, kesihatan

reproduktif dan sosial dalam kalangan remaja lelaki dengan mengambil kira salah laku seksual banyak bepunca daripada remaja lelaki. Antara kandungan modul adalah isu seks sebelum kahwin, kehamilan remaja, penderaan seksual, isu gender, kesalahan jenayah, penyalahgunaan dadah, dan penyakit kelamin termasuk HIV/AIDS. Program rintis telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2016 melibatkan 5 buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Sabah. Pada tahun ini, perlaksanaan program menggunakan modul ini akan diperluaskan lagi ke semua negeri. Kementerian percaya dengan segala usaha yang telah dan sedang dilaksanakan akan membantu menangani masalah sosial dalam kalangan remaja di negara ini. Dengan pendedahan maklumat yang betul dan latihan pembangunan kemahiran diri yang bersesuaian, golongan remaja dapat diperkasakan dengan pengetahuan dan kemahiran bagi membantu mereka dalam membuat pilihan serta keputusan yang bijak berhubung kesihatan reproduktif dan sosial remaja.

